

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (PDS) ini menyediakan beberapa maklumat penting mengenai insurans rumah anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.**

1 Apa itu Allianz Kampungku?

Allianz Kampungku memberi perlindungan ke atas bangunan dan/atau isi kandungan rumah anda. Ia juga menyediakan pampasan sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, dengan RM70.75 setahun, anda menerima perlindungan berikut:

Polisi ini melindungi:	Polisi ini tidak melindungi:
<ul style="list-style-type: none"> Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah : RM10,000 Kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dan/atau kilat kepada bangunan (kecuali tapak bangunan) dan/atau kandungan isi rumah anda. Faedah Bantuan Kecemasan : RM1,000 untuk kerugian atau kerosakan akibat: <ul style="list-style-type: none"> o Kebakaran; o Banjir; atau o Ribut angin; kepada harta yang diinsuranskan. Kemalangan Diri : RM1,000 untuk <ul style="list-style-type: none"> o Kematian atau hilang upaya kekal, akibat kemalangan; dan o Perbelanjaan pengebumian; bagi anda dan satu (1) *ahli keluarga terdekat yang menetap dengan anda di dalam rumah yang sama. <p>Ahli keluarga terdekat bermaksud pasangan sah, ibu bapa, ibu bapa mertua atau anak-anak (sehingga umur 21 tahun) anda.</p> 	Sebarang keurgian atau kerosakan akibat atau yang berhubungan dengan: <ul style="list-style-type: none"> • Kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran; • Perang, pencerobohan, perang saudara, pemberontakan atau revolusi; • Apa-apa tindakan keganasan; • Radiasi pengionan atau pencemaran radioaktif daripada sebarang bahan bakar nuklear atau bahan buangan; dan • Kerugian turutan.
Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada kontrak polisi anda untuk butiran lengkap mengenai apa yang dilindungi dan tidak dilindungi.	
Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans rumah kami, anda boleh:



Hubungi kami di
1 300 22 5542



Lawati kami di
allianz.com.my/allianz-kampungku



Lawati kami di
customer.service@allianz.com.my



Imbas kod QR
di atas

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans rumah ini, anda mesti membayar premium:	
Perlindungan Asas	RM70.75 setahun
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM70.75 .	
Di mana ini termasuk:	
Komisen	15% daripada premium atau RM10.61
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem*	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium atau RM5.66
Nota:	
1. Amaun Cukai Perkhidmatan ("CP") di sini mungkin tertakluk kepada perubahan kerana kadar CP yang digunakan hendaklah berdasarkan kadar semasa mengikut undang-undang Malaysia.	
2. *Duti setem dikecualikan sehingga 31/12/2028. Selepas itu, duti setem RM10 perlu dibayar bermula 1/1/2029.	

4 Syarat Utama Lain

- Anda mesti memberi maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Kewajipan penzahiran pra-kontrak (menurut Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013):
 - Sekiranya anda memohon insurans berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan.
 - Sekiranya anda memohon insurans bagi tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan kami dan mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai.
 - Jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.
 - Jika sebarang maklumat yang telah diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah selepas kontrak insuran dibuat, diubah atau diperbaharui oleh Allianz, anda mempunyai kewajipan untuk memaklumkan kepada Allianz dengan segera.
- Tunai sebelum perlindungan – Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh Allianz sebelum perlindungan bermula. Polisi ini akan terbatal secara automatik dan tidak sah jika syarat ini tidak dipatuhi.
- Semua tuntutan mesti diberikan secara bertulis kepada Allianz dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas pulang dari perjalanan anda.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk butiran penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis tidak kurang daripada empat belas (14) hari kepada kami.

- Apabila anda menamatkan polisi ini, kadar tempoh pendek berikut akan terpakai dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat semasa tempoh insurans yang wujud pada masa itu.

Tempoh Insurans	Peratusan (%) Premium Tahunan yang dikenakan
Dua (2) bulan atau kurang	40%
Tiga (3) bulan	50%
Empat (4) bulan	60%
Lima (5) bulan	70%
Enam (6) bulan	75%
Lebih daripada enam (6) bulan	100%

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).